



Sebahagian pendatang asing tanpa izin yang ditahan dalam Ops Mahir di kilang komponen komputer, kawasan Perindustrian Tebrau, Johor Bahru, kelmarin.
 (Foto ihsan IIM Johor)

Kilang gajikan PATI kena serbu

**2 lelaki tempatan
antara 356
ditahan
Imigresen Johor**

Oleh Omar Ahmad
 bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Jabatan Imigresen Johor menahan 356 pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam serbuan Ops Mahir di kilang komponen komputer di kawasan Perindustrian Tebrau, di sini kelmarin.

Pengarahnya, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus, berkata operasi yang bermula kira-kira jam 7 malam itu di lancarkan selepas risikan mendapati majikan terbabit disyaki terbabit secara serius dalam pengajian PATI.

Beliau berkata, operasi dijalankan sepasukan pegawai penguat kuasa Bahagian Penguat Kuasa Imigresen Johor dengan kerjasama Agensi Kawalan dan Pertindugan Sempadan (AKPS).

"Serbuan mengejut itu mendapati sejumlah besar warga asing bekerja tanpa dokumen perjalanan dan pas kerja yang sah.

"Sebahagian daripada mereka cuba mengelakkan diri sebaik menyedari kehadiran pasukan penguat kuasa, namun tindakan pantas anggota menutup semua laluan keluar berjaya menangkap

kan cubaan berketaraan," katanya dalam kenyataannya, semalam.

Mohd Rusdi berkata, turut ditahan dua lelaki tempatan yang dipercayai pegawai sumber manusia kilang terbabit bagi membantu siasatan.

Majikan ingkar kena tindakan

Katanya, hasil pemeriksaan lanjut, seramai 299 warga Myanmar ditahan, manakala Bangladesh (26), India (22), Indonesia (tiga), Nepal (dua) serta masing-masing seorang warga Pakistan dan Filipina, berusia antara 18 hingga 46 tahun.

"Pemeriksaan menyeluruh ke atas premis berkenaan turut mendedahkan wujud unsur pe-

langgaran undang-undang imigresen secara terancang, termasuk kegagalan majikan mematuhi syarat pengajian pekerja asing.

"Mereka ditempatkan di Depot Imigresen Setia Tropika untuk siasatan dan tindakan lanjut," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Rusdi mene-

gaskan, imigresen tidak akan berkompromi dengan mana-mana majikan yang melanggar undang-undang imigresen demi keuntungan.

Katanya, operasi penguatkuasaan akan dijalankan secara berterusan, agresif dan menyeluruh di seluruh Johor bagi memutuskan rantaian pengajian haram PATI serta memastikan kedaulatan undang-undang dan keselamatan negara terus terpelihara.



Mohd Rusdi Mohd Darus